

Keperluan Penggunaan Modul Etika Kerja Guru dalam Meningkatkan Penghayatan Nilai Pelajar

The Use of Teachers' Working Ethics Module in Increasing Students' Internalization of Positive Values

MOHAMAD KHAIRI OTHMAN

ALIS PUTEH

MOHD. ZAILANI MOHD YUSOFF

FAUZIAH ABDUL RAHIM

ABSTRAK

Untuk melahirkan masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil dan progresif, setiap guru harus memainkan peranan sebagai role model kepada pelajar. Kepatuhan guru terhadap etika kerja Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kod etika guru dan Standard Guru Malaysia perlu ditiptikberatkan bagi melahirkan golongan pendidikan yang memiliki nilai etika yang baik dan berkualiti tinggi. Menyedari kepentingan ini, satu modul etika kerja guru telah dibina khusus bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan amalan tentang etika kerja bertujuan melahirkan guru yang berkualiti pada masa kini dan pada masa hadapan. Artikel ini memberi tumpuan kepada pembinaan modul tersebut yang telah dibuat berdasarkan Model Pembinaan Modul yang telah perkenalkan oleh Sidek Noah. Dalam membangunkan sesebuah modul, Model ini telah menetapkan dua peringkat, iaitu sembilan langkah di peringkat pertama dan dua langkah di peringkat kedua. Modul etika kerja ini telah melalui kesemua peringkat yang dicadangkan. Berdasarkan hasil penilaian yang dilakukan oleh pakar penilai modul mendapati bahawa aras pekali secara keseluruhan bagi kesahan modul adalah 0.79 dan kebolehpercayaan Alpha Cronbach untuk modul etika kerja KPM adalah tinggi iaitu 0.95. Dapatkan kajian membuktikan bahawa modul etika kerja KPM ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian ini mendapati, semua aktiviti yang terkandung dalam modul ini adalah sesuai dan boleh digunakan sebagai alat, bahan, sumber dan panduan yang boleh memberi bimbingan, kesedaran, keinsafan, semangat dan motivasi kepada semua guru sekolah di seluruh Malaysia. Ia juga berupaya meningkatkan kesedaran dan kualiti tingkah laku para guru dan pelajar sekaligus meningkatkan penghayatan nilai murni dalam kalangan guru dan pelajar. Modul yang dihasilkan ini juga penting sebagai bahan rujukan untuk melahirkan para guru yang berkualiti pada masa akan datang.

Kata kunci: modul; etika; kerja; guru; penghayatan nilai

ABSTRACT

In the effort to produce a society that is civilised, unified, democratic, impartial, liberal and progressive, teachers should be the role model for the students. Based on this fact, teachers should act in accordance to MOE's working ethics, teachers' working ethics and Malaysian Teachers' Standard as the main aim is to equip the human capital with knowledge as well as good integrities and moral values. With the understanding of teachers' working ethics, it is pertinent that teachers observe their behaviours accordingly. Recognizing this importance, a teacher work ethic module has been specifically developed to enhance knowledge, understanding and practice on work ethics aimed at producing quality teachers today and in the future. This article focuses on the construction of the module that has been developed based on the Module Construction Model that has been introduced by Sidek Noah. In developing a module, the Model has set two stages, namely nine steps in the first stage and two steps in the second stage. The work ethic module has gone through all the recommended levels. Based on the evaluation result by a module evaluation specialist, it is found that the coefficient level for module validity is 0.79 and the Alpha Cronbach reliability for this module is 0.79 which is very high. The result findings showed that this module has a high validity and reliability. From this study, it is found that all the activities suggested in the module are suitable and usable as tools or resources, and can act as a guidebook that helps facilitate, gives awareness, inculcates the feeling of repentance and motivates all the teachers in Malaysia. The fact is, this module can help increase the understanding and quality in teachers' and students' behaviours. Indirectly, the internalization of soft skills or positive moral values can be inculcated, developed and enhanced which would result in the decrease of discipline problems among students.

Keywords: Module; ethics; works; teachers; internalization of values

PENGENALAN

Guru memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk watak, sahsiah dan moral pelajar. Usaha ini perlu dimulakan dengan mewujudkan sekolah yang dapat dibanggakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat setempat. Pembangunan insan cemerlang menjadi begitu penting sekali bagi negara yang ingin menjadi negara maju pada abad yang akan datang. Asuhan guru yang berkesan meninggalkan ingatan dan menjadi amalan yang berpanjangan bagi setiap murid. Sepanjang hayatnya mereka akan ingat bagaimana guru menerap ilmu pengetahuan, budaya dan semangat ketahanan, nilai-nilai murni dan jati diri sehingga sebat dalam jiwa. Dalam konteks ini, guru merupakan manusia yang telah diamanahkan untuk membentuk generasi pelajar yang berilmu, beriman dan bertakwa (Amir Hasan 2002). Bidang pendidikan juga tidak dapat lari daripada membina etika kerjanya sendiri. Etika kerja guru ialah suatu set tingkah laku atau tanggungjawab guru terhadap pelajar, ibu bapa, diri, rakan sejawat, masyarakat dan negara. Oleh sebab itu, setiap guru hendaklah menjalankan tugas tanpa melanggar etika kerja ini.

GEJALA SOSIAL REMAJA

Masalah gejala sosial dan disiplin pelajar didapati semakin hari semakin serius dan menjadi antara topik panas perbincangan Masyarakat khususnya yang membabitkan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Remaja sering dikatakan tidak berakhhlak, tidak pandai membuat pertimbangan nilai dan pelbagai lagi ciri negatif. Masalah gejala sosial yang melibatkan golongan remaja seperti budaya lepak, curi, dadah, bohossia dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai murni serta sebagainya didedahkan kepada kita hampir setiap hari menerusi akhbar, radio dan televisyen. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak namun gejala keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan remaja masih berleluasa (Ab. Rahman Ismail 2008; Amaludin Ab. Rahman & Khadijah Alavi 2007; Lihanna Borhan 2001). Pandangan ini juga boleh dilihat pada data bilangan kes salah laku pelajar seperti yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) pada jadual di bawah:

JADUAL 1. Bilangan kes salah laku disiplin murid

Bil	Jenis Salah Laku	2010 Jumlah	2011 Jumlah	2012 Jumlah
1	Berunsur jenayah	17595	18457	7015
2.	Berunsur kelucahan	3031	2163	930
3.	Kurang sopan	18346	17189	7239
4.	Laku musnah	5212	5343	5788
5.	Kemasan diri	21384	20778	4145
6.	Ponteng sekolah	19545	18754	1391
7.	Kenakalan	8563	8923	8361
8.	Tidak penting masa depan	17808	18611	3146

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM (2012)

Berdasarkan data tentang bilangan kes salah laku disiplin murid sehingga Jun 2012 Jadual di atas menunjukkan jumlah kes disiplin murid sekolah menengah kebangsaan harian agak tinggi. Didapati terdapat beberapa jenis salah laku murid yang menunjukkan peningkatan daripada tahun 2010-2011. Antaranya, jenis salah laku disiplin berunsur jenayah meningkat sebanyak 862 kes, salah laku musnah meningkat sebanyak 131 kes, salah laku kenakalan meningkat sebanyak 360 kes dan salah laku tidak penting masa juga meningkat sebanyak 803 kes dari tahun 2010 kepada tahun 2011. Terdapat juga jenis salah laku disiplin murid yang menurun bilangan kes seperti salah laku disiplin berunsur kelucahan turun sebanyak 868 kes, kurang sopan turun sebanyak 1157 kes, kekemasan diri turun sebanyak 606 kes dan ponteng sekolah turun sebanyak 791 kes. Selain itu, data Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan salah laku pelajar kurang sopan seperti merokok, tidak hormat guru dan pengawas serta berbahasa kesat adalah kesalahan paling banyak berlaku di sekolah yang membabitkan 23,220 kes pada tahun 2007 dan 19,980 kes pada tahun 2006 (Anuar Ahmad 2009). Secara keseluruhannya, jumlah bilangan dalam kes-kes salah laku disiplin murid sekolah di Malaysia masih menunjukkan bilangan kes yang tinggi. Malah, Mohd Najib Tun Razak menyatakan bahawa di Malaysia, masalah sosial membimbangkan (Masalah sosial 2007) dan hebat diperkatakan dan diperbincangkan di mana-mana sahaja (Aminuddin Hassan, Rohaiza Ishak & Vizata M. Sapian 2009).

Perangkaan yang ditunjukkan di atas memperlihatkan kadar penglibatan pelajar dalam gejala sosial agak membimbangkan dan menunjukkan peningkatan dalam kes-kes tertentu. Perangkaan ini juga menunjukkan suatu tindakan yang lebih serius perlu dilakukan sama ada oleh rakyat dan pemerintah supaya penghayatan nilai murni pelajar dapat ditingkatkan kepada yang lebih baik bagi mengelak

negara berhadapan dengan krisis nilai yang lebih besar. Ini kerana pelajar masa kini memiliki peranan penting dalam pembentukan bangsa dan generasi masa hadapan. Oleh itu pembentukan peribadi golongan ini harus diutamakan selaras dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan berperibadi mulia.

TINGKAH LAKU GURU DAN TINGKAH LAKU MURID

Guru juga ibarat seorang selebriti yang terkenal dan tersohor. Sebagai sumber rujukan, setiap tingkah laku, tindak tanduk dan akhlak serta sahsiah mereka perlulah menjadi contoh dan teladan kepada para pelajar. Oleh itu, untuk memastikan para guru sentiasa memiliki nilai-nilai tersebut, maka guru perlu memahami dan mengamalkan Etika Kerja KPM, Kod Etika Guru (KEG) dan Standard Guru Malaysia. Oleh itu, pengamalan Etika Kerja di kalangan guru-guru adalah penting demi menjamin martabat profesion perguruan sentiasa dipandang mulia di mata masyarakat. Kejayaan dan pencapaian matlamat pendidikan berkait rapat dengan kesedaran guru terhadap tanggungjawabnya sebagai pendidik.


Menurut Mohd Ismail (2006), guru memang boleh membawa perubahan ke arah tingkah laku yang baik kepada pelajar walaupun ada kalanya mereka kurang berjaya. Ramai pelajar berusaha untuk belajar dengan baik, bertanggungjawab dan mematuhi peraturan sekolah sebaliknya hanya segelintir sahaja yang melakukan kesalahan. Para pendidik memang menyedari bahawa mereka perlu menggunakan pendekatan yang mesra berbanding dengan menggunakan kekerasan. Menurut Mohd Ismail (2006) lagi, sekiranya guru bersikap penyayang maka tindak balas daripada pelajar juga adalah bersifat penyayang. Beliau berharap budaya penyayang hendaklah diterap dan diamalkan di sekolah agar sekolah menjadi sekolah penyayang.

PERAGAAN, MODELING ATAU QUADWAH HASANAH

Nodding (1984) menyatakan terdapat empat komponen utama dalam pendidikan moral iaitu peragaan (Modeling atau Qudwah Hasanah), dialog, amalan dan pengesahan. Perhubungan di antara watak moral guru dengan pembinaan moral pelajar Nodding adalah berasaskan kepada faktor tersebut. Sesuatu yang jelas dalam pendidikan ialah pengajaran yang baik dan berkesan memerlukan para guru yang berpengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar, mahir dalam kaedah mengajar dan watak bermoral.

Sebagaimana yang diketahui, apabila guru berpengetahuan dan mahir dalam kaedah mengajar maka kesediaan pelajar untuk belajar akan meningkat. Mengapa kita mahu guru-guru yang bermoral? Guru yang bermoral akan mempengaruhi moral para pelajar yang mereka ajar. Guru yang bermoral akan menjadi contoh dan model secara langsung kepada pembinaan moral pelajar (Rajah 1.2). Mengikut Aristotle, *virtue* (kebijakan) memerlukan contoh; pembangunan moral kanak-kanak akan mudah terpengaruh dengan contoh-contoh moral yang baik dari orang dewasa (Ryle 1972).

Konsep kepimpinan melalui teladan dicapai apabila guru menjadi model peranan (*role model*) dalam pelbagai aspek seperti tingkah laku, cara pertuturan dan berpakaian (Tie 2002). Guru perlu mengekalkan tingkah laku yang baik berdasarkan kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat. Menurut Tie (2002), guru perlu memainkan peranan sebagai *in loco parentis* iaitu seseorang individu yang menerima jawatan sebagai guru meletakkan dirinya dan tingkah lakunya dalam arena perhatian awam. Masyarakat tidak boleh menerima tingkah laku negatif yang dilakukan oleh para guru kerana seorang guru mempunyai kedudukan istimewa dalam komuniti. Pengaruh seseorang guru dan kesannya terhadap pelajar melampaui sempadan bilik darjah dan sekolah. Guru menjadi *role model* untuk pelajar malah menjadi penyebar nilai-nilai murni masyarakat serta bertanggungjawab terhadap kebijakan dan



RAJAH 1. Hubungan etika kerja dengan tingkah laku guru dan pelajar

kesejahteraan semua pelajar. Al-Ba'labaki (2003) berpendapat, konsep model atau *qudwah hasanah* ini membawa maksud memberi contoh, teladan, atau perbuatan baik yang menjadi model kehidupan. Teori Model atau *qudwah hasanah* ini pernah digunakan al-Quran agar umat Islam mencontohi nabi Muhammad SAW dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian seperti mana firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

... Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah SWT dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah SWT banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)...

Konsep *role model* bukan sahaja melibatkan tingkah laku peribadi guru di sekolah tetapi juga melibatkan tingkah laku di luar sekolah. Tingkah laku peribadi bermaksud tingkah laku yang dihubung kait secara eksplisit dengan prestasi dan tanggungjawab profesional seorang guru. Untuk mencapai dan mengekalkan kecemerlangan, pihak sekolah perlu menggunakan pendekatan positif yang berbentuk kerjasama antara guru dengan ibu bapa. Manakala pendekatan berbentuk negatif pula akan menekankan aspek mencari kesalahan dan seterusnya akan mewujudkan kesan yang negatif.

Walau bagaimanapun, kaedah ini di mana tingkah laku seseorang akan diikuti oleh individu lain merupakan satu proses yang kompleks dan bukan semua tingkah laku dan nilai yang diserapkan akan dijadikan teladan. Anggapan umum bahawa guru berperanan sebagai model yang meniru personaliti dan gaya pengajaran tidak sesuai untuk semua guru. Personaliti, gaya pengajaran dan situasi sekolah yang berlainan boleh memperkukuh atau melemahkan kemungkinan seseorang pelajar memilih seseorang guru sebagai *role model* (Tie 2002).

Dalam ajaran Islam, kaedah *modeling* ini disebut juga dalam hadis Nabi SAW antaranya yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi yang bermaksud:

...Sesungguhnya anda tidak dapat menawan hati terhadap semua manusia dengan menggunakan harta benda anda. Oleh itu, bergaullah manusia dengan wajah yang berseri (akhlik mulia)...

Seluruh akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Allah di dalam al-Quran untuk dijadikan panduan kepada umat Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW tentu sekali terlebih dahulu diamalkan oleh baginda. Baginda tentulah amat takut dengan ancaman Allah yang berbunyi “*Wahai orang yang beriman, kenapakah anda mengatakan*

sesuatu yang tidak anda kerjakan? Sesungguhnya, amat besar lah kebencian di sisi Allah terhadap kamu (yang) mengatakan sesuatu apa-apa yang tidak kamu kerjakan” (al-Saff 61:2-3). Berdasar ayat tersebut dapatlah difahami bahawa sebelum Rasulullah SAW mengucapkan kepada umatnya akan ayat-ayat al-Quran, maka baginda terlebih dahulu mengamalkannya dan dikenalkan amalan tersebut di dalam kehidupan harian baginda (Sheikh Abu Muhammad 2009).

Dalam ajaran Islam, salah satu ajaran utamanya ialah meniru akhlak Rasulullah SAW atau dipanggil ‘*sunnah*.’ Barang siapa yang meniru ‘*sunnah*’ Rasulullah SAW di akhir zaman ini akan mendapat pahala yang berlipat ganda. Umat Islam dikehendaki mempelajari, memahami dan menghayati sirah Rasulullah SAW supaya mereka dapat mengikuti ‘*sunnah*’ dengan betul.

Mengikut Sheikh Abu Muhammad (2009), sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW adalah teladan yang amat baik, bagi umat Islam setiap generasi sebagai sumber dan daya untuk mempersegiarkan iman dan membangkitkan semangat cinta kepada Allah SWT dan kepada peribadi Rasulullah SAW. Ia juga dapat membangunkan semangat perjuangan untuk mempertahankan Islam serta mengembangkannya kepada masyarakat sejagat, ditingkatkan keyakinan dan tauhid, agar dapat merangsangkan fikiran, jiwa dan fizikal umat agar sanggup mengorbankan diri, harta dan keluarga ke jalan Allah SWT. Menurut beliau lagi, seseorang Muslim itu selain wajib mempelajari, memahami dan menghayati rukun iman dan rukun Islam, ia juga wajib mengetahui, memahami dan menghayati akhlak-akhlak mulia Rasulullah SAW sebagai syarat kesempurnaan keislamannya. Di antara akhlak-akhlak baginda yang patut para gurujadikan ikutan termasuklah adil, pemaaf, sabar, lemah lembut, menahan marah, suka memberi nasihat dan menjawab kemosyikilan, membantu meringankan bebanan orang lain dan sentiasa muhasabah diri dan sebagainya.

PENGHAYATAN NILAI MURNI

Penghayatan adalah perihal kepada kata kerja menghayati. Istilah ini menjelaskan terdapatnya perlakuan tertentu yang dilaksanakan sehingga meninggalkan kesan kepada jiwa. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sesuatu perlakuan dilaksanakan tetapi tidak meninggalkan kesan kepada jiwa maka perlakuan itu belum dihayati (Azma Mahmood 2006).

Dari segi konsep, penghayatan ialah pemanduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai, pendapat dan lain-

lain ke dalam syakhsiah (personaliti) seseorang (Hassan Langgulung 1987). Ia merupakan satu bentuk pengakuran di mana penghayatan nilai atau kepercayaan merupakan pengaruh sosial yang paling kekal dan paling berakar. Ini adalah kerana motivasi untuk menghayati nilai atau kepercayaan tertentu tertanam di dalam diri seseorang dan berkait dengan keinginan untuk memperolehi kebenaran (Hassan Langgulung 1987). Manakala Nik Azis Nik Pa (2007) menjelaskan penghayatan merujuk kepada aspek menjadikan sesuatu perkara sebagai amalan sehari-hari atau satu tabiat.

Dari perspektif psikologi sosial dan falsafah barat, pandangan Ryan, Connell dan Grodnick (1992) serta Grusec dan Goodnow (1994) turut menjelaskan bahawa penghayatan ialah kepercayaan, sikap atau peraturan tingkah laku dari sumber luar yang secara beransur-ansur mengubah peraturan-peraturan dari luar itu ke dalam sifat-sifat dan nilai-nilai peribadi seseorang. Grusec dan Goodnow (1994) dan Hoffman (2000) menjelaskan lagi bahawa penghayatan nilai ialah sikap diri sendiri dalam tingkah laku sosial yang dilakukan adalah berdasarkan motivasi intrinsik. Ini turut diperkatakan oleh Young (1995) yang menyatakan penghayatan nilai diperhatikan apabila kelakuan yang diterima digenerasikan dari faktor intrinsik dan bukan dari faktor akibat-akibat luar. Ryan, Rigby dan King (1993) menerangkan bahawa penghayatan sebagai suatu proses iaitu "... through which an individual transforms a formerly externally prescribed regulation or value into an internal one". Ini bermakna, individu mengambil nilai yang diterap sebagai nilai peribadinya.

Penghayatan adalah salah satu proses jenis pembelajaran iaitu pembelajaran dalam konteks sosial, di mana manusia atau perkara-perkara tertentu menjadi perangsang bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu. Fungsi utama pendidikan pada zaman dahulu ialah pemindahan nilai-nilai dari generasi tua ke generasi muda agar identiti suatu masyarakat terpelihara. Oleh itu fungsi pendidikan pada zaman sekarang juga ialah bertujuan pemindahan nilai-nilai cuma berbeza hanya pada sudut kaedah dan teknologi pemindahan (Hassan Langgulung 1987).

Aspek penghayatan nilai murni merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Penghayatan nilai-nilai murni merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan pembentukan kesefahaman dan kesepadan dalam mentafsirkan dan merealisasikan wawasan 2020. Menurut Nik Azis Nik Pa, penghayatan nilai-nilai murni menjadi faktor utama kerana kemajuan kebendaan tanpa

nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan, tetapi sebaliknya banyak membawa keburukan dan kezaliman (Nik Azis 1994).

Malah penghayatan nilai-nilai murni merupakan faktor penghalang dalam untuk tidak menyalahgunakan kepintaran, kemahiran, kedudukan atau kekayaan yang dimiliki. Penghayatan nilai-nilai murni boleh menjadi benteng kepada amalan-amalan buruk seperti penyelewengan, kejahilan, kecuuan dan kezaliman (Nik Azis 1994). Nik Azis (2007) turut menjelaskan faktor penghayatan ilmu dan amal yang rendah menyebabkan jurang antara mengetahui dan mengamalkan.

Penghayatan adalah bersangkutan dengan tindakan menjiwai ilmu dan iman sehingga diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan tingkah laku (Nik Azis 2007). Maka penghayatan daripada sudut akhlak atau nilai murni menuntut seseorang itu memahami dan mengamalkan banyak daripada akhlak mulia dan nilai-nilai murni yang baik (Fathi Yakan 1985). Antara akhlak mulia dan nilai murni yang baik yang dianjurkan untuk dihayati oleh insan ialah malu, bersangka baik, benar, sabar, menjaga pandangan dan lidah dan sebagainya.

Penghayatan nilai boleh dididik melalui disiplin, pengajaran, contoh atau model, pengukuhan sosial dengan tingkah laku yang sesuai dan persekitaran yang sesuai yang boleh membentuk tingkah laku (Young 1995). Pelajar perlu digalakkan mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai yang baik sebagai satu penghayatan keterampilan diri dan kualiti warganegara yang baik serta prihatin terhadap soal-soal kehidupan dan pembinaan diri (Abd. Rahim 2001).

ETIKA KERJA KPM

Etika Kerja KPM telah diterbitkan pada tahun 2003. Pihak kementerian berharap satu etika kerja yang mantap perlu diamalkan untuk memastikan warganya mempunyai sifat-sifat luhur, bertanggungjawab dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Etika kerja KPM ini mempunyai tiga objektif utama iaitu: pertama ialah untuk menanam sikap positif dan menghapuskan sikap negatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan bagi meningkatkan kualiti kerja; keduanya ialah untuk meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi; dan ketiganya ialah untuk memberikan

sumbangan positif yang berterusan kepada negara. Etika Kerja KPM perlu dilaksanakan dan dihayati berdasarkan kepada lima (5) prinsip dan tujuh (7) nilai utama. Lima prinsip tersebut ialah:

1. Niat yang betul

Guru mestilah melaksanakan tugas dengan niat yang betul sebagaimana yang dituntut oleh agama. Guru juga perlu ikhlas, memberi sumbangan yang bermutu, sentiasa memperbaharui niat untuk kebaikan dan memenuhi kehendak FPK dan KPM.

2. Perlakuan yang baik

Guru perlulah melakukan tugas dengan sempurna. Di samping itu, mereka perlu menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa.

3. Penggerak ke arah kebaikan

Guru hendaklah menjadi penggerak ke arah kebaikan. Justeru itu mereka perlu menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik, maju, berdaya saing, cemerlang dalam hasil kerja dan kualiti kerja serta sentiasa berusaha menjadi pekerja yang terbaik.

4. Memperkotakan apa yang dikatakan

Para guru hendaklah sentiasa berusaha melaksanakan apa yang dikatakan. Mereka perlu menunjukkan ketekalan dalam tanggapan,

pengucapan dan tindakan, apa yang dibuat mesti sesuai dengan apa yang diucapkan dan sentiasa menepati apa yang dinyatakan dalam piagam pelanggan.


5. Berdisiplin dan beradab

Para guru perlulah sentiasa menjaga adab sopan seperti yang dituntut oleh agama, sentiasa mematuhi peraturan dan arahan perkhidmatan serta sentiasa berpandukan prosedur dan kaedah yang betul.

Walaupun terdapat banyak nilai mulia tetapi hanya tujuh nilai utama yang menjadi fokus etika kerja KPM. Nilai-nilai tersebut ialah amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas dan penyayang. Setiap warga guru hendaklah berusaha mempertingkatkan kualiti peribadi dan profesion serta menjadikan kerja mereka sebagai ibadat.

MODUL ETIKA KERJA KPM

Pembinaan modul ini adalah berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek (Sidek 2005) (Rajah 2). Model Sidek merupakan satu model yang lebih komprehensif berbanding dengan model-model yang lain. Peringkat pertama iaitu menyediakan draf modul di mana pada peringkat ini terdapat beberapa langkah



RAJAH 2. Model Pembinaan Modul Sidek

yang perlu dibuat seperti pembinaan matlamat, mengenal pasti teori, membuat kajian keperluan, menetapkan objektif, pemilihan isi kandungan, pemilihan strategi, logistik dan media. Peringkat kedua pula ialah mencuba dan menilaikan modul. Pada peringkat ini penyelidik perlu membuat kajian rintis, menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan norma, dan penilaian keberkesanan:

Model Sidek Noah (2005) ini mempunyai dua peringkat dalam pembinaan modul. Peringkat pertama ialah peringkat menyediakan draf modul. Ianya mempunyai sembilan (9) langkah bermula dengan pembinaan matlamat dan berakhir dengan penyatuan draf modul (Rajah 1). Draf ini bermaksud modul belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya. Peringkat kedua pembinaan ialah peringkat mencuba dan menilai modul. Draf modul diperangkat ini telah melalui kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Sekiranya kedua-dua elemen tersebut didapati tinggi barulah modul tersebut dikatakan modul yang lengkap. Modul yang dibina ini telah melalui kesemua sembilan peringkat pertama seperti mana yang dikehendaki oleh Model Sidek (2005). Seterusnya di peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai modul, modul ini juga telah melalui kesemua peringkat yang dicadangkan oleh Model Sidek (2005) pada peringkat kedua.

KESAHAN KANDUNGAN MODUL ETIKA KERJA KPM

Dalam menguji kesahan kandungan modul, penyelidik membina soal selidik kesahan kandungan modul seperti mana yang dicadangkan oleh Sidek. Menurut Sidek (1997), kesahan kandungan modul adalah usaha untuk mengukur isi kandungan atau item-item dalam pengukuran. Ia bergantung kepada skop dan objektif bidang dikaji. Ia memberi maklumat tentang kandungan setiap aktiviti dan ketepatan aktiviti serta kesesuaianya dengan objektif bagi prinsip dan nilai.

Soal selidik kesahan kandungan modul ini adalah berpandukan soal selidik yang dibuatkan oleh Jamaludin (2002) yang berdasarkan pandangan Russell (1974). Ianya mengandungi lima elemen kesahan yang berkaitan dengan isi kandungan yang memerlukan penilaian pakar. Soal selidik tersebut menggunakan skala likert 10 mata mengikut tahap persetujuan. Berdasarkan hasil penilaian yang dilakukan oleh pakar penilai modul mendapatkan bahawa aras pekali secara keseluruhan bagi kesahan modul adalah 0.79. Penilaian kesahan modul ini

telah dilakukan oleh tiga orang pakar yang terdiri pakar yang memiliki pengetahuan dalam bidang pembinaan modul. Penilai kedua iaitu pakar dari aspek pendidikan nilai dan etika perguruan dan penilai ketiga adalah pakar dalam bidang kaunseling dan etika di mana beliau juga adalah seorang yang terlibat secara langsung dalam kajian pembinaan modul di Malaysia. Keputusan penilaian pakar adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Nilai pekali pencapaian kesahan kandungan modul mengikut pakar

Pakar	Kesahan Kandungan Modul
Pakar Pertama	0.78
Pakar Kedua	0.80
Pakar Ketiga	0.78
Keseluruhan	0.79

Ketiga-tiga pakar masing-masing telah memberikan penilaian yang tinggi. Pakar pertama dan pakar ketiga telah memberikan penilaian sebanyak 78% (nilai pekali kesahannya .78), sementara Pakar kedua telah memberikan penilaian modul kod etika kerja guru ini sebanyak 80%. Ini bermakna ketiga-tiga pakar tersebut mendapat bahawa kandungan modul Kod etika kerja guru ini bersesuaian dan mempunyai kesahan yang tinggi. Berdasarkan maklumat daripada pakar-pakar didapati purata nilai pekali pencapaian kesahan kandungan modul ialah 0.79. Menurut Jamaludin Ahmad (2007) sekiranya sesuatu alat kajian terutama sekali bagi modul memperolehi 70% atau lebih, maka modul tersebut dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang baik. Setelah meneliti langkah-langkah pembangunan modul oleh penyelidik dan membandingkannya dengan langkah-langkah yang dikemukakan oleh Russell (1974), maka boleh dirumuskan bahawa Modul Etika Kerja KPM mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

KEBOLEHPERCAYAAN MODUL ETIKA KERJA KPM

Russell (1974) menjelaskan bahawa untuk menguji kebolehpercayaan sesuatu modul, perlu melihat sejauh mana peserta dapat mengikuti langkah-langkah setiap aktiviti di dalam modul dengan jayanya. Ini kerana setiap langkah-langkah aktiviti di dalam modul itu akan menentukan bahawa peserta telah menguasai objektif modul tersebut. Oleh yang demikian untuk menentukan nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul, item-item soalan boleh dicipta berdasarkan

kepada langkah-langkah modul tersebut (Jamaludin 2008). Bagi menguji kebolehpercayaan modul, satu kursus pengamalan etika kerja KPM telah diadakan. Setelah tamat kursus semua peserta diminta menjawab soal selidik kebolehpercayaan modul. Data-data yang telah diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis untuk mendapatkan pekali *Alpha Cronbach*. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* untuk modul etika kerja KPM adalah .95. Ini cukup mengesahkan bahawa modul ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

JADUAL 3. Nilai *Alpha Cronbach* kebolehpercayaan modul

Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	N of Items
.95	46

Contoh Modul Etika Kerja KPM

Prinsip Kedua : Perlakuan Yang Baik

Aktiviti 1

Nama Aktiviti	:	Pasir dan Batu
Tempoh Masa	:	45 minit
Peralatan	:	Batu dan cat
Pembentangan	:	Individu
Objektif	:	Pada akhir aktiviti ini, peserta akan dapat <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kesedaran supaya berkelakuan baik. 2. Peserta dapat menjelaskan konsep kelakuan yang baik dalam kehidupan.

Langkah-langkah:

1. Bacaan ‘al-Fatihah’ dibaca sebelum memulakan sesi.
2. Fasilitator mengagihkan cerita pendek.
3. Fasilitator memberi masa kepada peserta selama 5 minit untuk membaca dan memahami apakah mesej yang terdapat dalam cerita itu.
4. Setiap peserta membentang hasil bacaan mereka dan berbincang nilai-nilai yang diajar.
5. Perbincangan:
 - a. Mengapakah setiap kesalahan sahabat kita perlu ingat seperti menulis di atas pasir?
 - b. Mengapakah setiap kebijakan sahabat kita perlu ingat seperti memahat di atas batu?
6. Fasilitator membuat rumusan hasil daripada perbincangan tadi.
 - a. Peserta adalah penting dalam mengubah ke arah tingkah laku yang baik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tulisan ini telah memberi gambaran kepada pembaca bahawa telah kepada wujud satu modul Etika Kerja Guru yang telah dinilai kesahan dan kebolehpercayaan. Melalui modul ini, guru di Malaysia seharusnya mampu mengambil manfaat untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam profesionalisme dalam usaha melahirkan pelajar yang berdaya saing dan benar-benar berkualiti di dunia dan akhirat. Penekanan kepada etika kerja dalam kalangan para guru perlu ditingkatkan mestilah dari masa semasa kerana ia akan menjadi contoh teladan kepada para pelajar. Bidalan “*kalau guru kencing berdiri, anak murid akan kencing berlari*” adalah suatu ungkapan yang tepat untuk menggambarkan situasi ini. Oleh itu, modul etika kerja guru yang dihasilkan diharapkan dapat membantu melahirkan guru yang cemerlang dalam ilmu dan akhlaknya. Dengan itu, dicadangkan agar modul ini perlu dilaksanakan secara lebih komprehensif dan menyeluruh. Penggunaan modul ini perlu dikembangkan dari peringkat sekolah, daerah, negeri dan kementerian.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Ab. Rahman Hj. Ismail. 2008. Gejala sosial remaja: Implikasi terhadap keselamatan negara. *Jurnal Yadim* 10: 240-255.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2001. *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Raof Dalip. 1999. *Isu-Isu Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti sdn. Bhd.
- Amaludin Ab. Rahman & Khadijah Alavi. 2007. Trend gejala sosial di kalangan remaja: Kajian kes di pusat pemulihan akhlak Malaysia. *Malaysia Journal of Social Policy and Society* 4: 87-104.
- Aminuddin Hassan, Rohaizan Ishak & Vizata M. Sapien. 2009. Falsafah pendidikan sebagai tungggak penyelesaian masalah sosial. Dlm. *Pengajaran dan Pembelajaran daripada Pelbagai Perspektif*, disunting oleh Shafee Mohd Daud, Sharifah Md Nor, Habsah Ismail & Mohd Hazwan Mohd Puad, 3-24. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Amir Hassan Dawi. 2002. *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Edisi Kedua. Perak: Quantum Books.
- Anuar Ahmad. 2009. Pendidikan moral pelajar terpinggir. *Mingguan Malaysia*, 28 Jun 2009.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon. 2005. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Cetakan Pertama. Pahang: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.

- Azma Mahmood. 2006. Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Grusec, J. E & Goodnow, J. J..1994. Impact of parental discipline methods on the child's internalization of values: A reconceptualization of current points of view. *Developmental Psychology* 30(1): 4-19.
- Hassan Langgulung. 1987. Penghayatan nilai-nilai Islam ditinjau dari proses pembelajaran dalam konteks pendidikan masa kini. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(5): 13-30.
- Hoffman, M. L.. 2000. *Empathy and Moral Development: Implications for Caring and Justice*. New York: Cambridge University Press.
- Jamaludin Ahmad. 2007. *Modul & Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. 2008. *Modul & Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Lihanna Borhan. 2001. Persepsi nilai etika dan idealisme remaja Malaysia. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohd Ismail Othman 2006. *Menangani Disiplin di Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS
- Nik Azis Nik Pa. 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa. 2007. Konsepsi tentang Cabaran dan Isu Kritis dalam Pendidikan Islam. Dlm. *Isu-isu Kritis dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari*, disunting oleh Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad &
- Ahmad Zabidi Abd. Razak, 1-33. Putrajaya : Yayasan Islam Hadhari.
- Nodding, N.. 1984. *Caring: A Feminine Approach to Ethics and Moral Education*. Berkeley: UC Press.
- Rusell J. D. 1974. *Modular Instruction: A Guide to Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. New York: Publishing Com.
- Ryan, R. M., Connell, J. P. & Grolnick, W. S.. 1992. When achievement is not intrinsically motivated: A theory of self-regulation in school. In *Achievement and Motivation: A Social Developmental Perspective*, edited by A. K. Boggiano & T. S. Pittman, 167-188. New York: Cambridge University Press.
- Ryle ,G. 1972. *Intentionality-theory and the nature of thinking*. in Hiller 1972, 7-14
- Shiekh Abu Muhammad Tolha. 2009. *Peribadi Nabi*. Batu Caves: Thinkers
- Sidek Mohd Noah. 1997. *Modul Penilaian dalam Kaunseling Ideal*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Sidek Mohd Noah. 2005. *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Tie Fatt Hee. 2002. *Undang-Undang Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti
- Young, M.E.. 1995. A classroom application of Grusec and Goodnow's discipline model of internalization of values. *Education* 115(3): 405-406.

Mohamad Khairi bin Haji Othman, Ph.D
 Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
 Universiti Utara Malaysia
 06010 Sintok, Kedah
 MALAYSIA
 Email: m_khairi@uum.edu.my

